

LANG HINDEK
Changeable Hawk Eagle

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: Spizaetus cirrhatus



CIRI-CIRI

Burung dewasa peringkat pertama, bahagian atas badan berwarna coklat, bahagian bawah badan berwarna putih dengan jalur-jalur hitam. bahagian dada dan perut juga mempunyai jalur-jalur hitam yang tebal manakala bahagian ekor terdapat empat jalur gelap merentasinya. Jambul pendek. Semasa terbang, kelihatan sayap lebar. Jalur-jalur di bahagian perut agak pudar manakala bahagian bawah ekor terdapat tiga jalur hitam yang tebal. Bagi burung dewasa peringkat kedua, keseluruhan badan berwarna hitam dengan bahagian ekor terdapat jalur-jalur melintang berwarna gelap. Semasa terbang, bahagian bawah sayap menunjukkan warna yang lebih gelap. Bagi burung juvenil peringkat pertama, bahagian kepala, leher dan bawah badan berwarna putih. Semasa terbang, bahagian bawah badan seakan-akan sama dengan burung dewasa selain dari badan yang lebih pudar dan bentuk ekor. Bagi burung juvenil peringkat kedua, menyerupai burung dewasa tetapi menunjukkan jalur-jalur gelap di bahagian bawah badan dan bawah sayap.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa di antara 57.0-79.0 sm. Berat 1.3-1.9 kg.

MAKANAN

Burung besar dan kecil, katak, cicak dan mamalia kecil.

HABITAT

Boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan hutan tanah pamah. Kebiasaannya di kawasan terbuka atau di pingir-pinggir hutan sehingga ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Menghasilkan bunyi yang bernada tinggi; **wi-wiwiwiwii-hii**, **wi-wi-wi-wi-wi-wi-hii**, **kwi-kwi-kwi-kwi**. Ia juga mengeluarkan bunyi **k'wi-wi** atau **kerWI-WI**. Burung juvenil mengeluarkan bunyi **kiit-kiit** dan **kiit-kli**.

TABIAT

Menyambar makanan daripada tempat bertenggek.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan di antara bulan Disember hingga Januari. Sarang berbentuk struktur yang besar dan dalam. Ketinggian sarang adalah dari 6-45 m dari aras tanah. Bertelur 1 biji pada setiap kali. Telur berwarna putih ke putih kekelabuan dengan bintik-bintik berwarna kemerahan lusuh. Anggaran saiz telur adalah 69.8 x 51.6 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.
CITES, Appendiks 2.